

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

KENYATAAN MEDIA

**JPN MELAKA TANGANI ISU MURID KEJAR RAKAN,
TINGKATKAN PEMANTAUAN KESELAMATAN DI SEKOLAH**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka memandang serius insiden melibatkan murid mengejar tiga rakan menggunakan pisau kecil yang berlaku di sebuah sekolah di negeri ini.

Tindakan pantas pihak sekolah berjaya mengelak perkara lebih serius, sekaligus memastikan tiada sebarang kecederaan berlaku. Siasatan dalaman sedang berjalan termasuk untuk meneliti sebarang unsur provokasi dalam kejadian ini. Hukuman tegas akan dikenakan terhadap murid yang didapati bersalah.

JPN Melaka telah mengarahkan semua sekolah di negeri ini untuk meningkatkan pemantauan keselamatan. Ini termasuk dengan melaksanakan pemeriksaan mengejut dan menggunakan alat pengesan logam.

Penguatkuasaan larangan membawa peralatan tajam ke sekolah perlu dipatuhi. Murid dan ibu bapa serta penjaga akan sentiasa diingatkan berkenaan peraturan ini.

JPN Melaka pada ketika ini memberi tumpuan untuk mengenalpasti secara menyeluruh kesihatan mental dan emosi murid termasuk murid yang sedang menjalani rawatan dan memerlukan sokongan psikososial.

Program Minda Sihat yang merangkumi pelaksanaan proses saringan berkala, sesi kaunseling dan program intervensi akan terus diperkukuhkan untuk menyokong kesejahteraan murid.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA
10 JULAI 2026**